



## **SOALAN LAZIM (FAQ) PENDIGITALAN JPJ MALAYSIA:**

**FUNGSI KONGSI  
LESEN KENDERAAN MOTOR DIGITAL (e-LKM)  
MELALUI APLIKASI MyJPJ**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah fungsi Kongsi LKM?	<p>Fungsi Kongsi LKM dibangunkan untuk membolehkan pemilik kenderaan berkongsi LKM Digital (e-LKM) dengan individu/ahli keluarga yang membawa kenderaan beliau melalui aplikasi MyJPJ.</p> <p>Maklumat e-LKM yang dikongsi akan wujud di Profil Pengguna penerima di ruangan ‘LKM Dikongsi’.</p>
2.	Adakah semua boleh dikongsi?	Hanya LKM yang masih berkuatkuasa sahaja boleh dikongsi. LKM yang telah tamat kuatkuasa tidak mempunyai butang ‘Kongsi LKM’.
3.	Berapa lamakah LKM boleh dikongsi?	Ketetapan waktu perkongsian boleh ditentukan oleh pemilik LKM.
4.	Bagaimanakah cara untuk berkongsi LKM?	<p>Kongsi LKM seperti langkah berikut:</p> <p><b>A. Pemilik LKM</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik Profil;</li> <li>2. Klik tab Lesen Kenderaan Motor;</li> <li>3. Pilih dan klik LKM yang hendak dikongsi;</li> <li>4. Klik butang ‘Kongsi LKM’;</li> <li>5. Masukkan nombor Kad Pengenalan penerima. Semakan nombor Kad Pengenalan dibuat dengan rekod mySIKAP;</li> <li>6. Masukkan tempoh LKM dikongsi;</li> <li>7. Tekan butang ‘Hantar’; dan</li> <li>8. Mesej pengesahan dipaparkan dan Kod Pengaktifan turut dipaparkan. Pemilik perlu memberikan kod ini kepada penerima untuk mengaktifkan LKM di aplikasi MyJPJ penerima.</li> </ol> <p>Sistem tidak memberikan kod secara automatik bagi mengurangkan risiko salah perkongsian LKM. Pemilik perlu memberikan kod secara manual.</p> <p><b>B. Penerima LKM</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik Profil;</li> <li>2. Klik tab Lesen Kenderaan Motor;</li> <li>3. Paparan LKM dikongsi dengan status ‘tidak</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>aktif di ruangan LKM Dikongsi;</p> <p>4. Jika LKM tiada di dalam senarai, klik butang ‘Jana Semula’;</p> <p>5. Pilih LKM dan masukkan Kod Pengaktifan yang diberikan oleh pemilik LKM;</p> <p>6. Klik ‘Hantar’; dan</p> <p>7. LKM telah aktif dan boleh digunakan. Jika status belum berubah, klik butang ‘Jana Semula’.</p>
5.	Berapa tempoh masa SAH Kod Pengaktifan?	Kod Pengaktifan SAH dalam tempoh 24 jam sahaja. Sekiranya penerima tidak mengaktifkan Kongsi LKM dalam tempoh tersebut, rekod perkongsian LKM akan dihapuskan.
6.	Bolehkah pemilik menamatkan perkongsian LKM pada bila-bila masa?	Ya, pemilik boleh menamatkan perkongsian LKM pada bila-bila masa.
7.	Bolehkah pemilik memanjangkan atau memendekkan tempoh perkongsian LKM?	Ya, pemilik boleh mengemaskini maklumat perkongsian LKM pada bila-bila masa.